

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 110

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar yang mendapat pembiayaan biasiswa yang ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terikat dengan kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Mereka diwajibkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, atau mana-mana agensi atau pertubuhan Kerajaan yang dipersetujui tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani dan syarat lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Pemegang biasiswa JPA yang telah tamat pengajian dengan jayanya dikehendaki untuk melapor diri dan seterusnya berusaha mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh 12 bulan sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan.

Mulai tahun 2009, Kerajaan dengan kerjasama TalentCorp telah melaksanakan inisiatif Program Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) yang membenarkan pemegang biasiswa JPA untuk memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan mana-mana agensi termasuk syarikat atau agensi swasta yang tersenarai di bawah program tersebut. Ia juga merupakan salah satu alternatif kepada pemegang biasiswa JPA yang telah berusaha untuk memasuki perkhidmatan awam tetapi tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan selepas tempoh dua belas (12) bulan untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan Kerajaan.

Sebarang pelanggaran atau pecah kontrak sepertimana yang termaktub di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan termasuklah ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia, pemegang Biasiswa JPA boleh dikenakan tindakan tuntutan dengan membayar balik Nilai Biasiswa yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh penajaan kepada Kerajaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memandang serius isu penerima biasiswa KPM yang ingkar untuk kembali ke Malaysia sebaik sahaja mereka tamat kursus latihan atau program di luar negara. Berdasarkan klausa seperti yang termaktub dalam perjanjian, setiap penerima Biasiswa KPM adalah dikehendaki untuk serta-merta kembali ke Malaysia dan berkhidmat apabila sahaja menyempurnakan atau atas apa-apa sebab meninggalkan kursus latihannya atau apabila sahaja tamatnya biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan. Keengganan pelajar untuk pulang berkhidmat boleh dikenakan tindakan tegas iaitu tuntutan ganti rugi seperti yang termaktub dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Sekiranya pelajar tidak pulang dan gagal dihubungi, tindakan ganti rugi juga boleh dikenakan ke atas penjamin.

Sekian, terima kasih.